

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### PuTERA35 tingkat peranan signifikan bumiputera

Pelancaran pelan itu perlu dipantau supaya berjaya martabat bumiputera dalam tempoh 10 tahun

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA

**P**elan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang dilancarkan menjadi dokumen baharu mendorong bumiputera dalam usaha meningkatkan peranan lebih signifikan ke arah pembangunan sosioekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan PuTERA35 perlu dipantau lebih dekat supaya ia berjaya memartabatkan bumiputera dalam tempoh 10 tahun tanpa meminggirkan kaum lain.

"PuTERA35 ini perlu dipantau. Kita mahu merancang tetapi tanggungjawab saudara dari agensi kerajaan, syarikat kerajaan, jabatan dan kementerian untuk menjayakannya.

"Kita akan pantau dari dekat dan mahu pelan ini berjaya untuk memartabatkan bumiputera serta rakyat Malaysia," katanya ketika berucap di majlis Peluncuran

# PuTERA35 tingkat peranan signifikan bumiputera

PUTERA35 di sini pada Isnin. Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau mungkin dilihat sebagai Perdana Menteri yang paling sedikit berbicara soal bumiputera dan dasar ekonomi bumiputera.

"Saya lebih berminal memastikan pelaksanaannya daripada menghebahkan dasarnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan mana-mana agensi kerajaan yang mengendalikan pembangunan bumiputera akan dianggap pengkhianat lebih besar jika merosokkannya dengan tatakelola yang rendah dan menggunakan pelan itu untuk kepentingan peribadi.

Justeru, beliau mahu agensi melaksanakan proses pelaksanaan PuTERA35 lebih teliti, cekap dan bertanggungjawab.



ANWAR

"Kalau tidak kita curah ber puluh bilion ringgit, ia masih tiris dan bocor dan kesannya tidak sampai ke peringkat akar umbi menyebabkan dalam kalangan anak muda dan rakyat resah kerana bunyinya hebat, perancangannya memukau tapi pelaksanaan tidak ke mana."

"Dalam pelan perancangan, sebelum kita terus ke peringkat pelaksanaan yang nak laksanakan ini siapa? Tentunya agensi

bumiputera.

"Maka mereka harus pastikan proses

pelaksanaan itu lebih teliti, lebih cekap,

lebih bertanggungjawab," katanya.

Mengangkat tema Penyertaan, Pemilikan dan Pengusahaan (3P), PuTERA35 menekankan perihal penting aspek keseluruhan pembangunan termasuk bu-

umiputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli bagi menjamin asas kelangsungan,

keutuhan dalam pengagihan kekayaan, kesaksamaan serta keadilan sosial.

PuTERA35 disokong oleh tiga teras iaitu memperkuuh pasak ekonomi negara, memperteguh kerukunan tatakeoloa dan institusi serta menegakkan keadilan sosial. Selain itu, turut digariskan, 12 pecatu dan 132 ikhtiar.

Perincian program dan projek bagi setiap ikhtiar yang meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang akan disediakan oleh agensi pelaksana berkaitan dan diselarasaskan oleh kementerian.

Ketiga-tiga teras yang berbentuk struktural itu merupakan asas penting kepada kemampuan sosioekonomi, keutuhan tatakelola dan institusi, serta keadilan sosial.

Langkah strategik melalui PuTERA35 ini yang turut melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat swasta bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada ekonomi bumiputera, tetapi juga komuniti bukan bumiputera yang memerlukan tanpa meminggirkan mana-mana pihak.